

05 APR 1996

Najib-UMNO

KONVENSYEN UMNO DILANGSUNGKAN DALAM TIGA FASA

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Konvensyen UMNO sempena ulang tahun ke-50 parti itu Mei ini akan dilangsungkan dalam tiga fasa -- prakonvensyen, konvensyen sebenar dan pasca konvensyen.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Pengerusi Jawatankuasa Konvensyen UMNO, berkata prakonvensyen akan diadakan pada 20 April dalam bentuk subang saran meliputi empat bidang -- politik, ekonomi, pendidikan serta sosio-budaya dan agama.

Katanya prakonvensyen itu bertujuan menjana kesedaran mengenai pentingnya perjuangan untuk mempersiapkan bangsa Melayu menjelang abad ke-21 yang menjadi tema dan intipati Konvensyen UMNO pada 11 Mei.

Ia juga bagi menimbulkan keinsafan mengenai sumbangan perjuangan UMNO dalam mengangkat martabat bangsa Melayu dan kepada negara keseluruhannya.

"Kita menjemput setiap Ketua Bahagian dan telah mengenal pasti tokoh-tokoh Melayu yang mewakili pelbagai organisasi dan bidang untuk menyertai majlis itu," katany pada persidangan berita di pejabatnya di sini hari ini.

Mereka termasuk daripada kumpulan profesional seramai 22 orang; sosial dan strategik (14); cendekiawan (27); ulama (21); media (15); korporat (20); akademik (15); nelayan dan petani (tujuh); karyawan/seni (17); belia/pelajar (18) dan guru aktif seramai 22 orang.

Katanya kira-kira 400 orang dijangka menyertai prakonvensyen itu dan jumlah itu mungkin bertambah pada saat-saat akhir nanti.

Beliau berkata Konvensyen UMNO itu pula bertujuan antara lain menanam iltizam yang tulen kepada perjuangan UMNO melebihi daripada kepentingan diri; menimbulkan kesedaran terhadap peranan UMNO pada masa hadapan; dan memperkukuhkan imej UMNO sebagai pejuang kepentingan Melayu.

Ia juga untuk memberi kefahaman tentang proses perubahan yang terdapat di sepanjang perjalanan perjuangan UMNO dan meningkatkan daya tahan terhadap sikap, pemikiran serta perjuangan dalam politik Melayu.

Beliau berharap konvensyen itu akan menjadi acara yang bermakna bagi merenung kembali perjuangan dan membentuk arah tuju UMNO menjelang abad ke-21.

"Kita akan menggalakkan individu, organisasi bukan kerajaan dan pihak tertentu memberi pandangan, mengadakan forum dalam televisyen serta menulis dalam media bagi menggalakkan percambahan fikiran mengenai peranan UMNO menjelang abad ke-21 mulai hari ini dan sepanjang bulan April," katanya.

Katanya seramai 2,700 orang terdiri daripada Anggota Majlis Tertinggi; Exco Pergerakan Pemuda, Exco Pergerakan Wanita; 15 orang wakil dari setiap bahagian; anggota veteran UMNO dan kelab-kelab UMNO akan menghadiri konvensyen itu.

Bagaimanapun seramai 3,500 termasuk jemputan khas daripada pelbagai sektor dan wakil negara asing dijangka menghadiri majlis perasmianya.

Najib berkata kertas kerja yang dibentangkan akan meliputi ekonomi, pendidikan dan sosiobudaya serta agama manakala kertas kerja politik akan berdasarkan kepada ucapan dasar Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Konvensyen UMNO akan ditutup dengan satu perisytiharan hasil daripada pembentangan dan perbahasan kertas kerja konvensyen, katanya.

Bagi Pasca Konvensyen, badan-badan perhubungan UMNO negeri dikehendaki mengadakan perbincangan susulan mengenai perkara-perkara yang diutarakan semasa konvensyen.

"Akhirnya, semua perkara itu akan dirumuskan dalam kertas cadangan

Pengarahan UMNO dalam abad ke-21 dan akan dibentangkan dalam MT untuk mendapatkan keputusan muktamad," katanya. -- BERNAMA

HS NMO